

2021-2022

# TAIWAN

Sepintas Lalu



Diterbitkan oleh Kementerian Luar Negeri,  
Republik China (Taiwan)

2 0 2 1 - 2 0 2 2

# TAIWAN

## Sepintas Lalu

Diterbitkan oleh Kementerian Luar Negeri,  
Republik China (Taiwan)  
No. 2, Ketagalan Blvd., Taipei 10048, Taiwan, ROC  
<http://www.mofa.gov.tw>

Dicetak oleh China Color Printing Co., Inc.  
229 Baoqiao Rd., Xindian, New Taipei 23145, Taiwan, ROC

Penyunting: Jeff Lee, Ed Moon, Torie Gervais, Pat Gao, Jim Hwang


Foto muka depan: Chen Mei-ling, Chin Hung-hao, Kent Chuang,  
Pang Chia-shan

Pereka Grafik dan Reka Bentuk: Lin Hsin-chieh

Pengedar: Taiwan Panorama Magazine  
No. 2 Aiguo West Road  
Taipei 100209, Taiwan, ROC  
Tel: (+886-2) 2397-0633  
<http://www.taiwan-panorama.com>

No. Kad Katalog: MOFA-MA-BL-110-014-I-1  
GPN: 1011001806  
ISBN: 978-986-5447-43-4  
Edisi pertama, C12 Disember 2021  
Dicetak di Taiwan  
Harga: NT\$70 US\$2

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mencetak semula mana-mana bahagian atau keseluruhan buku ini tanpa keizinan bertulis daripada pemegang hak cipta.  
Agenси untuk dihubungi: Kementerian Luar Negeri, Republik China (Taiwan)  
Tel: (+886-2) 3343-2712



# Fakta Ringkas Mengenai Taiwan

Nama Rasmi	Republik China (Taiwan)	Kerajaan	Demokrasi pelbagai parti
Bendera Kebangsaan		Presiden	Tsai Ing-wen
Bunga Kebangsaan	Bunga Plum	Ibu Negara	Bandar Taipei
Kawasan (Taiwan dan pulau-pulau di sekitarnya)	36,197 kilometer persegi	Kawasan perbandaran khas	Taipei, Taipei Baharu, Taoyuan, Taichung, Tainan, Kaohsiung
Jumlah penduduk	23.5 juta (Jun 2021)	Mata Wang	Dolar Taiwan Baharu (NT\$ atau TWD)
Etnik	Lebih 95 peratus ialah bangsa Han (termasuk Holo, Hakka dan bangsa-bangsa lain yang berasal dari tanah besar China); 2 peratus orang asli Melayu-Polynesia, 2 peratus pendatang baharu, terutamanya dari China dan Asia Tenggara	Bahasa	Mandarin (China), Holo (Taiwan), Hakka, bahasa Austronesia
		Agama utama	Buddha, Taoisme, I-Kuan Tao, agama masyarakat Cina, Kristian, Islam

(Pang Chia-shan)



# KANDUNGAN

Muka Bumi & Iklim	8
Penduduk	14
Sejarah	18
Sistem Politik	30
Hal Ehwal Luar Negeri	38
Hubungan Rentas Selat	50
Ekonomi	58
Sains dan Teknologi	68
Pendidikan	76
Kebudayaan	80
Media Massa	84
Melawat Taiwan	88

# MUKA BUMI & IKLIM



## Fakta Penting

**Gunung Jade di Taiwan merupakan gunung tertinggi di Asia Timur.**

**Kira-kira 20 peratus daripada tanah negara ini diwartakan sebagai kawasan terlindung.**

Republik China (Taiwan) terletak di rantau Pasifik Barat, di antara Jepun dengan Filipina. Jajahannya yang luas menjangkau Kepulauan Penghu, Kinmen dan Matsu, serta ratusan pulau kecil yang lain. Keluasan pulau utama Taiwan dan pulau-pulau di sekitarnya adalah kira-kira 36,197 kilometer persegi. Dengan saiz sebesar Belanda tetapi bilangan penduduk kira-kira 23 juta, Taiwan mempunyai lebih ramai penduduk berbanding tiga perempat negara di dunia. Pulau utama Taiwan mempunyai keindahan semula jadi yang sungguh mempesona.

Taman Negara Taroko di bahagian timur Taiwan adalah salah satu kawasan perlindungan yang merangkumi kira-kira 20 peratus daripada keluasan negara. (Kent Chuang)

## Fakta Ringkas



Keluasan tanah

**36,197**

kilometer persegi



Kepanjang Taiwan

**394**

kilometer



Kelebaran Taiwan

**144**

kilometer



Puncak tertinggi

**Gunung Jade  
(3,952 meter)**

Tanah pertanian

**7,930**

kilometer persegi



Suhu purata

**22°C**Januari : 18°C  
Julai : 29°C

Kebanyakan puncak gunungnya melebihi 3,000 meter - termasuk gunung tertinggi di Asia Timur, Gunung Jade (Yushan) - manakala kaki gunung yang diliputi hutan pula meliputi lebih daripada separuh kawasannya. Pulau ini juga mempunyai gunung berapi, dataran tinggi, dataran pinggir laut dan lembangan. Kepulauan Diaoyutai yang terletak di timur laut Taiwan dan beberapa pulau di Laut China Selatan, termasuk Kepulauan Dongsha (Pratas), Nansha (Spratly), Xisha (Paracel) dan Zhongsha (Tebing Macclesfield), juga merupakan sebahagian daripada wilayah Taiwan.

Dengan kedudukannya di laluan arus lautan panas di pantai timur benua Asia, pulau utama Taiwan mempunyai beraneka zon iklim, daripada zon tropika hingga zon iklim sederhana. Kepelbagaiannya iklim berserta tanah yang subur dan taburan hujan yang tinggi menjadikan Taiwan syurga pertanian kerana hampir semua jenis buah-buahan dan sayuran boleh ditanam di sini. Hal ini juga menjadikan pulau ini taman rekreasi yang mengasyikkan. Pada musim sejuk, pengunjung

berpeluang menyaksikan pemandangan hujan salji yang indah di lereng Gunung Hehuan di Wilayah Nantou sebelum meneruskan perjalanan hanya 200 kilometer jauhnya ke Wilayah Pingtung yang nyaman untuk menyelam skuba di terumbu karang sepanjang hujung bahagian selatan pulau ini.

Sementara itu, pulau-pulau yang lebih kecil pula mempunyai ciri semula jadi yang unik, seperti tiang basalt di Kepulauan Penghu dan kolam air panas laut di sepanjang pantai Pulau Hijau dan Pulau Guishan.

### Flora dan Fauna

Zon iklim Taiwan yang berspektrum luas daripada zon tropika hingga zon iklim sederhana dan kepelbagaiannya topografinya menyumbang kepada kekayaan flora dan fauna yang beraneka jenis di pulau ini. Lebih kurang 125 spesies mamalia, 788 spesies burung, 134 spesies reptilia, 42 spesies amfibia, 454 spesies rama-rama dan 3,265 spesies ikan

dikenal pasti mendiami Taiwan. Tumbuh-tumbuhan di pulau ini pula terdiri daripada 881 spesies paku-pakis, 4,875 spesies angiosperma dan 36 spesies gimnosperma. Bagi melindungi ekosistem yang menampung habitat tumbuhan dan haiwan ini, pihak kerajaan telah mewartakan lebih kurang 20 peratus daripada keluasan negara sebagai kawasan terlindung, termasuk sembilan taman negara dan satu taman alam negara, 22 rizab semula jadi untuk ekosistem khas, enam kawasan hutan simpan, 20 kawasan perlindungan hidupan liar dan 37 habitat utama hidupan liar.


Ikan salmon darat Formosan (*Oncorhynchus masou formosanus*), adalah salah satu spesies fauna yang paling terkenal di Taiwan. Ikan ini dipercayai terperangkap di dalam

**Lebih daripada 800 spesies paku-pakis telah dijumpai di Taiwan. (Chen Mei-ling)**



air gunung yang dingin di kawasan tengah Taiwan semasa zaman ais terakhir apabila paras laut turun secara mendadak, menyebabkan salmon ini tidak dapat lagi berulang-alik di antara air tawar dengan air masin. Untuk melindungi spesies ikan terancam ini, Pusat Perlindungan Ikan Salmon Darat Formosan telah ditubuhkan di hulu Sungai Dajia, Taman Negara Shei-Pa.

## Taman-Taman Negara



# PENDUDUK



## Fakta Penting

Terdapat 16 kaum peribumi yang diiktiraf secara rasmi di Taiwan.

Negara ini juga didiami oleh lebih 541,000 pendatang baru, kebanyakannya berasal dari China dan Asia Tenggara.

Taiwan sering digambarkan sebagai sebuah negara yang didominasi oleh masyarakat Cina Han kerana lebih 95 peratus penduduknya mendakwa mereka berasal daripada bangsa Han. Namun hakikatnya, salasilah keturunan penduduk Taiwan ternyata lebih kompleks. Kemasukan pendatang Cina secara besar-besaran bermula pada kurun ke-17 dan membawa masuk pelbagai kaum etnik dengan bahasa dan budaya yang berbeza. Sejajar dengan peredaran masa, perbeaan antara kaum-kaum tersebut kian kabur dalam generasi masa kini disebabkan perkahwinan campur dan penggunaan



Golongan muda sedang menghayati suasana perayaan di Christmasland, Bandar Taipei Baharu. (Chin Hung-hao)

bahasa Mandarin secara meluas. Masyarakat Taiwan yang berbilang budaya terdiri daripada pelbagai suku kaum Han, orang-orang Melayu-Polinesia dan juga pendatang dari seluruh pelosok dunia. Sebagai contoh, tahun-tahun kebelakangan ini menyaksikan ketibaan ramai pendatang baharu dari China dan Asia Tenggara, kebanyakannya melalui perkahwinan. Menurut statistik terkini, bilangan pendatang baharu di Taiwan telah mencecah 541,000 orang.

Kebelakangan ini, terdapat kesedaran yang lebih tinggi di Taiwan untuk mengetengahkan warisan budaya 16 etnik berbahasa Austronesia yang diiktiraf secara rasmi. Kumpulan

minoriti ini merangkumi hampir 2 peratus jumlah penduduk. Organisasi awam dan swasta giat menganjurkan pelbagai inisiatif untuk menghidupkan semula bahasa dan budaya mereka, hal ini boleh dilihat melalui pelancaran Rangkaian Televisyen Peribumi Taiwan dan kelulusan Akta Asas Kaum Peribumi.

Penyepadan dan diversiti etnik di Taiwan telah membentuk sebuah masyarakat yang lebih terbuka dan memandang ke hadapan, dengan menggabungkan pelbagai unsur tamadun dari seluruh dunia melalui cara yang tersendiri dan penuh harmoni.

## Fakta Ringkas

Jumlah Penduduk: **23,487,509** (Jun 2021)

Struktur populasi:

- 0-14 tahun: 12.49%
- 15-64 tahun: 70.01%
- 65 tahun ke atas: 16.5%



Etnik:

- Cina Han: 95%
- Kaum peribumi: 2.4%
- Pendatang baharu: 2.6%



Kadar kelahiran kasar (2020): **7.01** (setiap 1,000 orang)

Kadar kematian kasar (2020): **7.34** (setiap 1,000 orang)

Jangka hayat (2020): **81.3** tahun

Lelaki: **78.1** tahun

Perempuan: **84.1** tahun

# SEJARAH




## Fakta Penting

Orang Belanda dan Sepanyol telah membina petempatan di Taiwan pada awal kurun ke-17.

Kira-kira 1.2 juta orang telah berpindah dari China ke Taiwan bersama dengan kerajaan Republik China (Taiwan) pada lewat tahun 1940-an hingga awal tahun 1950-an.

Republik China diasaskan di negara China pada tahun 1912. Ketika itu, Taiwan berada di bawah pemerintahan penjajah Jepun susulan Perjanjian Shimonoseki 1895 yang menyaksikan penyerahan Taiwan kepada Jepun oleh kerajaan Qing. Kerajaan Republik China mula mentadbir Taiwan pada tahun 1945 selepas Jepun menyerah kalah apabila Perang Dunia Kedua berakhir.

Kerajaan Republik China berpindah ke Taiwan pada tahun 1949 semasa Perang Saudara dengan Parti Komunis China. Sejak dari itu, Republik China terus mengkalkan kedaulatan pentadbirannya ke atas pulau



Arca batu di Tokong Tianhou, Pulau Heping di luar persisiran Bandar Keelung, bahagian utara Taiwan menyerlahkan tradisi seni dan keagamaan yang kaya di negara ini. (Pang Chia-shan)

utama Taiwan dan beberapa pulau di sekitarnya. Peristiwa ini telah mengasingkan Taiwan dan China di bawah dua pemerintahan yang berbeza. Pihak berkuasa Beijing tidak pernah melaksanakan bidang kuasanya ke atas Taiwan atau pulau-pulau lain yang ditadbir oleh Republik China.

## Garis Masa Sejarah

Garis masa berikut terfokus pada sejarah Taiwan yang direkodkan kira-kira 400 tahun lalu, walaupun negara ini telah didiami oleh kaum Melayu-Polinesia selama beribu-ribu tahun lamanya.

**1500-** Pelayar-pelayar Eropah yang melalui Taiwan dipercayai **an** telah merekodkan nama pulau ini sebagai Ilha Formosa, yang bermaksud pulau indah.

Taiwan terus dikunjungi oleh kumpulan kecil pedagang Cina, nelayan dan lanun.

**1624** Syarikat Hindia Timur Belanda menubuhkan pangkalan di barat daya Taiwan, seterusnya membawa pembaharuan dalam amalan pertanian masyarakat peribumi dan mengupah buruh Cina untuk bekerja di sawah padi dan ladang tebu.

**1626** Pengembala Sepanyol menubuhkan pangkalan di utara Taiwan, tetapi diusir oleh orang Belanda pada tahun 1642.

**1662** Pengikut setia Ming di bawah pimpinan Zheng Cheng-gong, atau Koxinga, yang melarikan diri daripada penaklukan dinasti Ming (1368–1644) oleh Manchuria

---

telah menghalau orang Belanda dari Taiwan dan mengambil alih kuasa pemerintahan di pulau tersebut.

**1683** Tentera dinasti Qing (1644–1912) menguasai kawasan pantai barat dan pantai utara Taiwan.

**1885** Taiwan diisytiharkan sebagai wilayah Empayar Qing.

**1895** Berikutan kekalahan dalam Perang Sino-Jepun Pertama (1894–1895), kerajaan Qing menandatangani Perjanjian Shimonoseki dan menyerahkan pemerintahan Taiwan kepada Jepun yang terus berkuasa sehingga tahun 1945.

**1911-** Tentera revolusi China menggulingkan Empayar Qing **1912** dan menubuhkan Republik China.

**1943** Semasa Perang Dunia Kedua, pemimpin Republik China, Chiang Kai-shek telah bermesyuarat dengan Presiden Amerika Syarikat, Franklin Roosevelt dan Perdana Menteri Britain, Winston Churchill di Kaherah. Hasilnya, Perisytiharan Kaherah telah diluluskan dengan menyatakan bahawa "...Formosa [Taiwan] dan Pescadores [Kepulauan Penghu] hendaklah dipulangkan kepada Republik China..."

**1945** Republik China, United Kingdom dan Amerika Syarikat sepakat mengeluarkan Perisytiharan Potsdam yang menggesa Jepun menyerah kalah tanpa syarat dan menegaskan bahawa kandungan Perisytiharan Kaherah mesti dilaksanakan.

Selepas Perang Dunia Kedua, wakil kerajaan Republik China menerima penyerahan kalah tentera Jepun di Taiwan. Chen Yi selaku Ketua Eksekutif Wilayah Taiwan

---

menghantar satu memorandum kepada gabenor jeneral Jepun di Taiwan. Antara lainnya, memorandum itu menyatakan bahawa “Sebagai Ketua Eksekutif Wilayah Taiwan Republik China, ...saya mengambil alih semua kemudahan dan aset sah yang berkaitan dengan wilayah, rakyat, pentadbiran, politik, ekonomi dan kebudayaan Taiwan (termasuk Kepulauan Penghu).”

- 1947** Perlembagaan Republik China diisytiharkan pada 1 Januari dan dijadualkan berkuat kuasa pada 25 Disember. Pada bulan Mac dan bulan-bulan berikutnya, tentera Republik China yang dihantar dari China telah berjaya menewaskan pemberontakan besar-besaran penduduk Taiwan yang berlaku susulan Insiden 28 Februari.
- 1948** Apabila perang saudara besar-besaran berlaku di China antara kerajaan Republik China pimpinan Kuomintang dengan Parti Komunis China, Peruntukan Sementara Dalam Tempoh Mobilisasi Negara Bagi Menewaskan Pemberontakan Komunis telah digubal. Peruntukan ini mengatasi Perlembagaan Republik China dan melebarkan kuasa presiden dengan lebih meluas. Dengan itu bermulanya era Keganasan Putih (White Terror) yang berlanjut sehingga tahun 1991 apabila Peruntukan Sementara tersebut ditarik balik.
- 1949** Kerajaan Republik China berpindah ke Taiwan, diikuti dengan perpindahan 1.2 juta rakyat China ke Taiwan. Pada 25 Oktober, Pertempuran Kuningtou meletus di

---

Kinmen, dengan angkatan tentera Republik China berjaya menewaskan Parti Komunis China di pantai barat laut pulau tersebut.

Undang-undang tentera diisyiharkan di Taiwan dan terus berkuat kuasa sehingga tahun 1987.

- 1952** Selepas Perjanjian Keamanan San Francisco 1951 dengan Jepun ditandatangani oleh 48 negara-negara bersekutu bagi pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Perjanjian Keamanan ditandatangani antara Republik China dengan Jepun di Taipei Guest House, dengan ini menamatkan perang antara kedua-dua pihak tersebut secara rasmi. Menurut Fasal 2 dalam Perjanjian San Francisco, Jepun telah melepaskan semua hak, pemilikan dan tuntutannya terhadap Taiwan (Formosa), Kepulauan Penghu (the Pescadores), Kepulauan Spratly dan Kepulauan Paracel. Semua perjanjian, perisytiharan dan persetujuan sebelum 9 Disember 1941 antara China dengan Jepun menjadi tidak sah dan terbatas.
- 1954** Perjanjian Pertahanan Bersama Republik China-Amerika Syarikat ditandatangani di Washington.
- 1958** 23 Ogos menandakan bermulanya pertempuran rejimen meriam antara garison Republik China di Pulau Kinmen dengan tentera China yang berterusan selama lebih 40 hari.
- 1966** Zon Pemprosesan Eksport yang pertama dibina di Bandar Kaohsiung, bahagian selatan Taiwan. Pembinaan zon tersebut mengerakkan Taiwan ke arah status negara

---

maju, seterusnya menetapkan paradigma untuk diikuti oleh negara-negara lain.

---

**1968** Sistem pendidikan wajib selama sembilan tahun dilancarkan sementara kurang daripada sembilan negara di seluruh dunia mempunyai sistem pendidikan wajib yang sama atau lebih panjang daripada tempoh ini.

---

**1971** Pada Oktober 25, Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu meluluskan Resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu 2758 yang mengiktiraf Republik Rakyat China (PRC) sebagai satu-satunya wakil China yang sah kepada badan global. Republik China menarik diri daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

---

**1979** Para aktivis demokrasi yang mengadakan demonstrasi di bandar Kaohsiung diberkas dan dipenjarakan berikutan peristiwa yang dikenali sebagai Insiden Kaohsiung, yang akhirnya membawa kepada penubuhan dan pembentukan Parti Progresif Demokratik (DPP) pada tahun 1986.

---

**1987** Undang-undang tentera, yang berkuat kuasa sejak 1949, ditamatkan. Larangan pembentukan parti politik baharu dan penerbitan berita telah dimansuhkan. Proses demokrasi giat diteruskan.

Pergerakan penduduk merentasi selat kini bermula.

---

**1991** Peruntukan Sementara Dalam Tempoh Mobilisasi Negara Bagi Menewaskan Pemberontakan Komunis dihapuskan. Pilihan raya yang menyeluruh untuk semua wakil Kongres, termasuk ahli Dewan Perundungan dan Perhimpunan

---

---

Kebangsaan, diadakan semula dari tahun 1991 hingga 1992, memberikan rakyat Taiwan perwakilan penuh.

---

Bermula dari tahun 1991 sehingga 2005, Perlembagaan Republik China telah dipinda sebanyak tujuh kali.

---

Taiwan menjadi ahli Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik.

---

**1992** Wakil-wakil kerajaan dari seberang Selat Taiwan mengadakan perjumpaan buat pertama kali di Hong Kong dan berjaya mencapai persetujuan serta persefahaman dalam pelbagai isu selepas beberapa sesi komunikasi dan rundingan.

---

**1995** Program Insurans Kesihatan Kebangsaan bermula.

---

**1996** Republik China mengadakan pilihan raya presiden yang pertama, diakhiri dengan Lee Teng-hui daripada parti KMT dan calon timbalannya Lien Chan menang dengan majoriti undi 54 peratus.

---

**2000** Chen Shui-bian dan Annette Lu Hsiu-lien daripada DPP dipilih sebagai presiden dan naib presiden, dengan ini mengambil alih tumpuk kepimpinan negara daripada parti KMT yang telah memerintah selama lebih 50 tahun. Peristiwa ini juga menandakan pemindahan kuasa eksekutif kerajaan Republik China di Taiwan buat pertama kali antara parti-parti politik.

---

**2002** Taiwan menjadi ahli Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Dua undang-undang pertahanan negara berdasarkan

---

---

prinsip penyatuan penggubalan dasar dan perintah ketenteraan dikuatkuasakan secara rasmi pada 1 Mac. Jawatankuasa rendah baharu Kementerian Pertahanan Negara ditubuhkan dan diatur dengan peraturan-peraturan untuk menjalankan tugas “nasionalisasi angkatan tentera.”

---

**2003** Dewan Perundangan meluluskan Akta Referendum yang memberikan hak di sisi undang-undang kepada rakyat untuk mengundi secara langsung dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan setempat atau negara.

---

**2004** Referendum negara yang pertama diadakan sempena pilihan raya presiden ketiga, diakhiri dengan Chen dan Lu dipilih semula selepas menang majoriti tipis.

---

**2005** Dewan Perundangan meluluskan pakej pindaan perlembagaan dengan mengurangkan separuh kerusi dewan daripada 225 kepada 113 kerusi dan memperkenalkan sistem “satu daerah, dua undi” untuk pilihan raya perundangan.

---

**2008** Ma Ying-jeou dan Vincent C. Siew daripada parti KMT dipilih sebagai presiden dan naib presiden Republik China, selepas menang dengan majoriti undi 58 peratus. Peristiwa ini juga menandakan pemindahan kuasa eksekutif kerajaan Republik China di Taiwan buat kedua kalinya antara parti-parti politik.

---

**2009** Taiwan menghadiri Perhimpunan Kesihatan Sedunia sebagai pemerhati. Penyertaan ini adalah penyertaannya

---

---

yang pertama kali dalam aktiviti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak ia menarik diri pada tahun 1971.

Presiden Ma menandatangani surat pengesahan Perjanjian Antarabangsa Hak-hak Sivil dan Politik serta Perjanjian Antarabangsa Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Budaya.

---

**2010** Republik China menandatangani Perjanjian Rangka Kerja Mengenai Kerjasama Ekonomi Rentas Selat dengan China untuk menyelaraskan hubungan ekonomi dan perdagangan merentasi Selat Taiwan.

---

**2011** Ulang tahun Republik China ke-100 disambut di Taiwan.

---

**2012** Penyandang presiden Ma Ying-jeou dan calon timbalannya yang baharu Wu Den-yih daripada parti KMT memenangi pilihan raya pemilihan presiden dan naib presiden dengan majoriti undi 51.6 peratus.

---

**2013** Taiwan menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dengan New Zealand dan perjanjian perkongsian ekonomi dengan Singapura.

Taiwan menghadiri perhimpunan ke-38 Persatuan Penerangan Awam Antarabangsa sebagai tetamu kepada presiden majlis.

---

**2014** Menteri Majlis Hal Ehwal Tanah Besar China, Wang Yuchi, mengadakan pertemuan rasmi dengan pengarah

---

---

Pejabat Hal Ehwal Taiwan China, Zhang Zhijun, pada bulan Februari di Nanjing. Peristiwa ini menandakan hubungan rasmi yang pertama antara kedua-dua ketua agensi kerajaan yang bertanggungjawab menguruskan hubungan rentas selat.

Penunjuk perasaan Pergerakan Sunflower menduduki Dewan Perundangan untuk menentang dan menghalang kelulusan Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan Rentas-Selat.

Seramai 11,130 calon dipilih di seluruh negara dalam sembilan kategori wakil kerajaan tempatan melalui pilihan raya tempatan “sembilan-dalam-satu”.

---

**2015** Presiden Ma dan pemimpin China, Xi Jinping, bertemu di Singapura pada bulan November. Peristiwa ini menandakan pertemuan pemimpin peringkat atasan yang pertama antara kedua-dua pihak dalam tempoh 66 tahun.

Taiwan menandatangani Perjanjian Fasilitasi Perdagangan WTO dan menghantar instrumen penerimaannya kepada organisasi tersebut.

---

**2016** Pengurus DPP Tsai Ing-wen dan calon akademik Chen Chien-jen dipilih sebagai presiden dan naib presiden Republik China.

DPP menguasai majoriti dalam Parlimen buat pertama kali setelah berjaya memenangi 68 daripada 113 kerusi.

Presiden Tsai Ing-wen memohon maaf secara rasmi bagi pihak kerajaan kepada masyarakat peribumi Taiwan atas

---

kesengsaraan dan ketidakadilan yang mereka alui sejak berkun-kurun dahulu.

---

**2017** Akta Pembangunan Bahasa Peribumi digubal untuk memulihara dan mempromosikan bahasa ibunda 16 kaum peribumi yang diiktiraf secara rasmi di Taiwan.

Taiwan menjadi tuan rumah bagi Universiade Musim Panas Taipei 2017.

FORMOSAT-5, satelit pemerhatian Bumi resolusi ultra tinggi pertama buatan negara ini, telah dilancarkan.

---

**2018** Suruhanjaya Keadilan Peralihan Taiwan dirasmikan pada 31 Mei. Presiden Tsai memohon maaf kepada mangsa penganiayaan politik semasa era Keganasan Putih (White Terror) di Taiwan yang bermula dari tahun 1949 hingga 1991 berikutan keputusan Suruhanjaya untuk memadamkan rekod jenayah mereka.

---

**2019** Undang-undang khas yang membenarkan perkahwinan sejenis di sisi undang-undang telah diluluskan, menjadikan Taiwan negara pertama di Asia yang membenarkan Kesatuan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender).

---

**2020** Tsai Ing-wen dan calon timbalannya Lai Ching-te daripada parti DPP memenangi pilihan raya presiden 2020 dengan majoriti undi 57.1 peratus. DPP mengekalkan majoriti dalam Parlimen.

# SISTEM POLITIK



## Fakta Penting

Presiden dan naib presiden Republik China (Taiwan) dipilih secara langsung setiap empat tahun.

Dalam pilihan raya perundangan Taiwan, setiap pengundi membuang satu undi untuk daerah mereka dan satu lagi untuk kerusi umum.

Perlembagaan Republik China, yang berkuat kuasa pada 1 Januari 1947, tidak menyempurnakan peranannya sebagai asas pemerintahan demokratik dan kedaulatan undang-undang sehingga tahun 1987 apabila undang-undang tentera dimansuhkan di Taiwan. Sejak itu, perlembagaan telah dipinda sebanyak tujuh kali pada tahun 1991, 1992, 1994, 1997, 1999, 2000 dan 2005 supaya ia lebih relevan dengan situasi semasa negara.

Sebuah pertunjukan pemetaan unjuran menerangi Pejabat Presiden bersejarah di Bandar Raya Taipei. (Pang Chia-shan)

## Lima Cabang Kerajaan Pusat

Dewan Eksekutif	Dewan Perundangan	Dewan Penilaian	Dewan Kehakiman	Dewan Kawal Selia
Merangka dan melaksanakan dasar	Mengkaji semula dan menggubal undang-undang, mengadakan sidang untuk membahaskan usul dasar, menyemak anggaran belanjawan dan operasi kerajaan	Menguruskan sistem perkhidmatan awam	Menyelia sistem mahkamah negara	Mendakwa dan menghukum pegawai kerajaan, mengaudit agensi-agensi kerajaan

Salah satu impak utama daripada pindaan ini ialah sejak tahun 1991, pihak kerajaan telah mengiktiraf bahawa bidang kuasanya hanya meliputi kawasan di bawah kawalannya. Oleh itu, presiden dan ahli dewan undangan akan dipilih oleh dan bertanggungjawab terhadap penduduk di kawasan terbabit sahaja.

Selaras dengan pindaan perlembagaan yang diisytiharkan pada bulan Jun 2005, bilangan kerusi di Dewan Perundangan telah dikurangkan menjadi separuh, iaitu daripada 225 kepada 113, manakala tempoh jawatan ahli dewan undangan telah ditambah daripada tiga tahun kepada empat tahun. Menurut sistem pilihan raya ahli dewan undangan yang baharu, setiap daerah pilihan raya boleh memilih hanya satu kerusi. Setiap pengundi membuang dua undi—satu untuk daerah dan satu lagi untuk kerusi umum. Kuasa untuk meratifikasi pindaan perlembagaan kini dilaksanakan oleh rakyat melalui referendum.

## Peringkat Kerajaan

Kerajaan pusat terdiri daripada presiden dan lima cabang utama, atau Dewan (yuan). Pada masa ini, kerajaan tempatan merangkumi enam perbandaran khas, 13 wilayah, dan tiga perbandaran berautonomi dengan status hierarki yang sama dengan wilayah. Sejak tahun 2014, semua ketua dan wakil kerajaan tempatan dipilih secara serentak di bandar dan wilayah di seluruh Taiwan setiap empat tahun. Selain itu, terdapat 198 pekan dan bandar yang ditadbir oleh wilayah, serta 170 daerah—termasuk enam daerah pergunungan yang didiami oleh penduduk peribumi—di perbandaran berautonomi dan khas.


Perbandaran khas ialah entiti pentadbiran peringkat atasan yang berada di bawah bidang kuasa langsung kerajaan pusat. Ia memainkan peranan penting dalam menerajui pembangunan serantau. Status ini memberikannya akses kepada pembiayaan yang lebih besar, peluang penubuhan

agensi tambahan dan pengambilan lebih ramai penjawat awam. Enam perbandaran khas tersebut, yang disusun mengikut bilangan penduduk, ialah Bandar Taipei Baharu, Taichung, Kaohsiung, Taipei, Taoyuan dan Tainan.

## Presiden dan Perdana Menteri

Presiden dan naib presiden dipilih secara langsung, berkhidmat selama satu penggal (empat tahun) dan boleh dipilih semula untuk satu penggal lagi.

## Kawasan Pentadbiran Tempatan



Presiden ialah ketua negara dan pemerintah tertinggi angkatan bersenjata, mewakili negara dalam hubungan luar negeri dan diberi kuasa untuk melantik ketua bagi empat cabang kerajaan, termasuk Perdana Menteri yang berperanan mengetuai Dewan Eksekutif (Kabinet) dan bertanggungjawab menghantar laporan secara tetap kepada Dewan Perundangan (Badan Perundangan). Ketua-ketua kementerian, suruhanjaya dan agensi di bawah Dewan Eksekutif dilantik oleh Perdana Menteri dan membentuk Majlis Dewan Eksekutif. Untuk meningkatkan keberkesanan pentadbiran, Dewan Eksekutif telah disusun semula bagi mengurangkan bilangan organisasi Kabinet daripada 37 kepada 29.

Selepas penyusunan semula yang bermula pada awal tahun 2012, Dewan Eksekutif merangkumi 14 kementerian, lapan majlis, tiga agensi bebas dan empat organisasi lain. Di bawah Perlembagaan Republik China, pelantikan Perdana Menteri oleh Presiden mahupun pelantikan menteri-menteri utama oleh Perdana Menteri tidak memerlukan pengesahan dewan perundangan.

Pelantikan ahli Dewan Kawal Selia dan Dewan Penilaian, serta hakim bagi Dewan Kehakiman oleh Presiden, mesti disahkan oleh Dewan Perundangan. Ahli Dewan Perundangan akan melantik Ketua Dewan, atau speaker, dalam kalangan mereka sendiri.

## Parti Politik

Presiden memainkan peranan utama dalam operasi keseluruhan kerajaan Republik China. Istilah “parti pemerintah” pula merujuk kepada parti politik yang menduduki Pejabat Presiden. Wakil Parti Kuomintang (KMT) memegang jawatan presiden di Taiwan selama lebih lima dekad sebelum Parti Progresif Demokratik (DPP) memenangi pilihan raya presiden pada tahun 2000 dan 2004. KMT berjaya merebut kembali tampuk pemerintahan pada tahun 2008 dan 2012. DPP sekali lagi memenangi pilihan raya presiden tahun 2016 dan 2020, menandakan peralihan kuasa yang ketiga kalinya sejak demokrasi dilaksanakan di negara ini.

Dalam pilihan raya parlimen pada Januari 2020, DPP memenangi 54 peratus kerusi dalam Badan Perundangan (Parlimen), manakala KMT hanya mendapat 34 peratus kerusi. Parti utama lain yang mempunyai kerusi di Badan Perundangan ialah Parti Rakyat Taiwan (TPP), Parti Kuasa Baharu (NPP) dan Parti Bina Negara Taiwan (Taiwan Statebuilding Party).

# HAL EHWAL LUAR NEGERI

“

## Fakta Penting

Lebih 175 negara dan wilayah memberikan kemudahan tanpa visa, visa pendaratan atau e-visa kepada pemegang pasport Republik China (Taiwan).

Taiwan satu-satunya negara dalam Program Pengecualian Visa A.S. yang tidak mempunyai hubungan diplomatik rasmi dengan Amerika Syarikat.

Republik China sebuah negara berdaulat dan merdeka yang memiliki angkatan pertahanan negara sendiri dan mengendalikan hal ehwal luarnya sendiri. Sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan, Republik China berhasrat untuk “memupuk hubungan kejiranan yang baik dengan negara-negara lain, menghormati perjanjian dan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu ... menggalakkan kerjasama antarabangsa, melindungi keadilan antarabangsa dan menjaga keamanan dunia”

Objektif utama dasar luar negerinya adalah untuk mengekalkan persekitaran yang memberangsangkan demi pemuliharaan negara dan pembangunan jangka panjang.




Taiwan berkongsi peralatan perubatan dengan sekutu-sekutu dan negara-negara berpandangan serupa untuk membantu melawan COVID-19. (Chen Mei-ling)

Kerajaan komited melaksanakan pendekatan diplomasi yang kukuh bagi mempertingkatkan sokongan kerjasama demi kepentingan bersama. Dasar ini juga ditakrifkan sebagai satu matlamat teguh yang bertujuan untuk membina hubungan mantap dengan sekutu diplomatik dan negara-negara yang berkongsi nilai-nilai kebebasan dan demokrasi yang sama. Melalui pendekatan ini, tumpuan kerja diplomatik negara beralih daripada penyediaan bantuan sehalia kepada dialog dua hala, dengan projek-projek kerjasama dua hala yang menyasarkan pembangunan industri dan pasaran.

Melalui Dasar Baharu Pandang Ke Selatan yang diperkenalkan oleh Presiden Tsai Ing-wen, Taiwan juga berusaha memperluas pertukaran dengan 10 negara ASEAN, 6 negara Asia Selatan, Australia dan New Zealand dari aspek kerjasama ekonomi dan perdagangan, perkembangan bakat, perkongsian sumber dan hubungan antara wilayah. Matlamat jangka panjang adalah untuk membina kerjasama baharu yang berteraskan kepentingan bersama.

ROC mempunyai hubungan rasmi dengan negara sekutu diplomatik serta hubungan rapat dengan banyak negara lain seperti Australia, Kanada, negara-negara Kesatuan Eropah, Jepun, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Presiden Tsai mengadakan lawatan ke negara sekutu diplomatiknya, Kerajaan Eswatini dari 17-21 April 2018, sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan negara Afrika itu, ulang tahun keputeraan ke-50 H.M. King Mswati III dan juga 50 tahun hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

## Dasar Baharu Pandang Ke Selatan



Dari 12-20 Ogos tahun yang sama, Presiden Tsai berkunjung ke Paraguay dan Belize di Amerika Selatan dan Tengah. Semasa lawatan itu, beliau menghadiri majlis pelantikan Presiden Paraguay Mario Abdo Benitez dan mengadakan perbincangan dua hala dengan ketua negara-negara tersebut. Dalam siri lawatan Oceans of Democracy dari 21-28 Mac 2019, Presiden Tsai berkunjung ke Palau, Nauru dan Kepulauan Marshall. Lawatan ini adalah susulan daripada lawatan pertamanya ke Kepulauan Pasifik, iaitu Kepulauan Marshall, Kepulauan Solomon dan Tuvalu, pada bulan Oktober 2017.

# Kerjasama Perubatan

Pusat perubatan Taiwan bekerjasama dengan negara-sarasan NSP untuk meningkatkan kesihatan serantau.



## Penyertaan Antarabangsa

Taiwan menjadi ahli tetap dalam 40 organisasi antara kerajaan (IGO) dan badan-badan subsidiarinya, termasuk Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia, Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Bank Pusat Amerika untuk Integrasi Ekonomi (CABEI). Taiwan juga mempunyai status pemerhati atau status lain dalam 25 IGO dan badan-badan subsidiarinya, termasuk Bank Eropah

untuk Pembinaan Semula dan Pembangunan (EBRD) serta jawatankuasa Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dan Sistem Integrasi Amerika Tengah.

Sementara mempertahankan kedaulatan dan maruah negara serta mempertingkatkan kebajikan rakyatnya, Taiwan juga melibatkan diri dan menyumbang dalam komuniti pragmatik dan profesional antarabangsa.

Demi tujuan ini, Taiwan bergiat dalam organisasi antara kerajaan dan mekanisme seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Penerangan Awam Antarabangsa (ICAO), Persidangan Rangka Kerja PBB Tentang Perubahan Iklim dan Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (Interpol) untuk melindungi dan menyumbang kepada kemanusiaan dan kebajikan semua insan. Pendekatan terbuka Taiwan ini telah mendapat sokongan padu daripada sekutu diplomatik dan negara-negara lain yang berpandangan serupa.

Sehingga 30 Ogos 2021, 175 negara dan wilayah telah memberikan kemudahan tanpa visa, visa pendaratan atau e-visa kepada pemegang pasport Republik China (Taiwan). Taiwan juga telah menandatangani perjanjian visa melancong sambil bekerja dengan 17 negara.

## Hubungan Mantap

Antara 39 negara yang terangkum dalam Program Pengecualian Visa A.S., Taiwan satu-satunya negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik rasmi dengan

Amerika Syarikat. Hal ini menunjukkan hubungan kepercayaan yang rapat antara kedua-dua pihak. Akta Perhubungan Taiwan, yang diluluskan oleh Kongres A.S. pada 1979, terus memberikan dasar kukuh terhadap kerjasama Taiwan-A.S. tanpa wujudnya hubungan diplomatik rasmi. Pihak A.S. telah berulang kali membaharu komitmen keselamatannya dengan Taiwan di bawah TRA dan Six Assurances. Pada 2018, Akta Perjalanan Taiwan diluluskan sebulat suara oleh Kongres A.S. dan dimeterai oleh Presiden A.S. Donald J. Trump. Undang-undang ini menggalakkan lawatan pegawai-pegawai di semua peringkat dari kedua-dua pihak, menandakan sokongan yang kuat untuk Taiwan daripada institusi eksekutif dan perundangan kerajaan A.S. Pada 2020, Akta Inisiatif Perlindungan dan Peningkatan Antarabangsa Sekutu Taiwan (Taiwan Allies International Protection and Enhancement Initiative Act atau TAIPEI Act) diluluskan oleh Kongres A.S. dan ditandatangani, sekali gus menzahirkan sokongan Amerika Syarikat terhadap perikatan diplomatik Taiwan di seluruh dunia dan penyertaan Taiwan dalam organisasi antarabangsa. Seiring dengan kerjasama yang lebih meluas antara Taiwan dengan Amerika Syarikat, hubungan dua hala kedua-dua negara ini telah berkembang menjadi usaha sama global yang erat.

Republik China dan Holy See menjalin hubungan diplomatik jangka panjang dan mempunyai komitmen yang sama terhadap kebebasan beragama dan bantuan kemanusiaan. Selaras dengan nilai-nilai sejagat seperti keamanan, kebebasan, demokrasi dan hak kemanusiaan, Taiwan akan terus menjadi

rakan kongsi penting Holy See dan negara-negara lain dalam usaha menyebarkan kasih sayang, kebijakan dan keamanan dunia.

Dengan berkongsi nilai-nilai umum seperti demokrasi, kebebasan dan kedaulatan undang-undang, Taiwan dan Kesatuan Eropah (EU), bersama negara-negara Eropah yang lain telah membangunkan kerjasama erat dan pertukaran dalam pelbagai bidang. Contohnya, Taiwan dan EU telah mengukuhkan hubungan ekonomi dan perdagangan yang teguh dan memberangsangkan antara satu sama lain. EU ialah rakan dagang Taiwan yang kelima terbesar dan sumber pelaburan asing terbesar. Kerjasama kedua-dua pihak ini kian meningkat dalam sektor-sektor berpotensi besar seperti tenaga hijau, teknologi baharu, transformasi digital dan penstruktur semula rantai bekalan. Taiwan dan EU juga terus mengembangkan kerjasama dalam bidang hak asasi manusia. Melalui Rundingan Hak Asasi Manusia Taiwan-EU yang dijalankan setiap tahun, kedua-dua pihak giat membincangkan isu-isu kepentingan bersama termasuk kesamaan jantina, hak LGBTI dan hak pekerja migran.

Pada 10 April 2013, Taiwan menandatangani perjanjian perikanan dengan Jepun selepas 17 sesi rundingan sejak 1996. Perjanjian ini memperluaskan kawasan penangkapan ikan oleh nelayan Taiwan ke perairan sekitar Kepulauan Diaoyutai di Laut China Timur. Hubungan erat kedua-dua negara diperkuuh dengan penamaan semula pejabat perwakilan Jepun di Taiwan daripada Persatuan Pertukaran Jepun kepada

Persatuan Pertukaran Jepun-Taiwan pada Januari 2017, dan juga Persatuan Perhubungan Asia Timur kepada Persatuan Hubungan Taiwan-Jepun pada Mei 2017.

Taiwan dan Jepun mengadakan mesyuarat tahunan keempat mengenai hal ehwal maritim di Tokyo pada 2 Disember 2019. Dirasmikan mengikut mekanisme dialog kerjasama marin yang disusun pada 2016, forum ini menerokai peluang kerjasama dalam pelbagai bidang seperti perikanan dan penyelidikan.

Pada November 2015, Taiwan dan Filipina menandatangani Perjanjian Mengenai Fasilitasi Kerjasama Penguatkuasaan Undang-Undang Perikanan untuk melindungi keselamatan nelayan kedua-dua pihak.

Pada 19 Julai 2016, Presiden Tsai mengemukakan empat prinsip dan lima tindakan berkaitan dengan isu-isu Laut China Selatan. Empat prinsip ialah: Pertama, pertikaian di Laut China Selatan harus diselesaikan dengan aman mengikut undang-undang antarabangsa dan undang-undang laut, termasuk Konvensyen PBB mengenai Hukum Laut. Kedua, Taiwan harus terlibat dalam mekanisme pelbagai hala yang bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian. Ketiga, negara-negara terbabit berkewajipan untuk melindungi kebebasan navigasi dan laluan udara di rantau ini. Akhir sekali, pertikaian perlu diselesaikan dengan mengetepikan perbezaan dan mempromosikan pembangunan bersama. Melalui rundingan yang dijalankan berdasarkan prinsip

kesaksamaan, Taiwan bersedia untuk bekerjasama dengan semua negara terbabit bagi meningkatkan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan, dan bersama-sama memulihara dan membangunkan sumber-sumber di rantau ini. Lima tindakan yang dikemukakan ialah: melindungi hak penangkapan ikan nelayan tempatan, mengambil bahagian dalam rundingan pelbagai hala, menggalakkan kerjasama saintifik, memperkuuh tindak balas kemanusiaan dan melahirkan pakar dalam undang-undang laut.

Kerajaan sedang berusaha untuk mengubah Pulau Taiping di Kepulauan Nansha (Spratly) menjadi pangkalan bantuan kemanusiaan dan bekalan di Laut China Selatan. Sejak mengambil alih tanggungjawab pada 2000 untuk mengekalkan kehadiran kerajaan di Pulau Taiping serta Kepulauan Dongsha (Pratas), Pentadbiran Pengawal Pantai (CGA) di bawah Majlis Hal Ehwal Lautan Peringkat Kabinet terus menjalankan misi bantuan bencana dan kemanusiaan serta membantu orang dari dalam dan luar negara. CGA komited menguatkan kerjasama dengan rakan institusinya di negara-negara jiran, sejarar dengan dasar kerajaan untuk bekerjasama dengan semua pihak berkaitan demi meningkatkan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan.

Dengan keluasan 0.51 kilometer persegi, Pulau Taiping mempunyai kapasiti penuh untuk mengekalkan penempatan manusia dan pembangunan ekonominya sendiri. Ia juga memenuhi kriteria pulau yang ditakrifkan dalam Perkara

121 UNCLOS, yang memberi Republik China hak penuh berkaitan dengan perairan wilayah, zon bersebelahan, zon ekonomi eksklusif 200 batu nautika dan pelantar benua di bawah UNCLOS.

## Kerjasama Menang-Menang

Sebagai warga model masyarakat global, Taiwan akan terus mempromosikan bantuan kemanusiaan dan langkah kawalan penyakit sementara menyumbang secara aktif dalam inisiatif antarabangsa untuk menangani perubahan iklim, keganasan dan jenayah transnasional. Pada masa hadapan, Taiwan akan menjalin kerjasama yang berkekalan dengan negara sekutu dan negara-negara berpandangan serupa bagi menggalakkan interaksi kerajaan, pelaburan perniagaan dan pertukaran penduduk, serta bekerjasama dengan rakan-rakannya di seluruh dunia bagi menegakkan dan menggalakkan nilai-nilai sejagat seperti keamanan, kebebasan, demokrasi dan hak kemanusiaan.

Reaksi Taiwan terhadap pandemik koronavirus dengan melakukan kuarantin wajib, pengesanan kontak berteknologi tinggi dan perkongsian maklumat yang telus, kini dikenali di seluruh dunia sebagai Model Taiwan. Kejayaan ini telah membuka peluang kepada Taiwan untuk bekerjasama rapat dengan sekutunya dalam pembangunan dan kajian vaksin koronavirus.

Dipuji secara meluas dalam menyelamatkan nyawa dan mengukuhkan tindak balas global terhadap COVID-19,

keberkesanannya Model Taiwan diuji oleh pandemik koronavirus domestik terbesar. Tindak balas pantas daripada semua segmen masyarakat - disokong oleh pusingan berbudi derma vaksin dari dalam dan luar negara - telah menyaksikan Taiwan berjaya melawan COVID-19. Dengan sokongan ini, Taiwan akan terus meningkatkan kerjasama dengan negara-negara yang berpandangan serupa mengenai kesihatan awam untuk membendung pandemik ini dan melindungi Kesihatan Semua Insan.

Perubahan dalam masyarakat, liberalisasi ekonomi dan transformasi demokratik di Taiwan telah mewujudkan persekitaran yang ideal untuk sektor swasta, manakala pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga telah mula berkembang pesat. Masyarakat civil kini memainkan peranan utama dalam memastikan tadbir urus yang baik dan membolehkan Taiwan melebarkan pengaruhnya di arena antarabangsa. NGO juga telah meningkatkan reputasi Taiwan melalui penglibatan dalam pelbagai projek kerjasama antarabangsa yang sejahtera dengan Matlamat Pembangunan Mampan PBB. Untuk menghubungkan NGO Taiwan dengan lebih baik ke dunia, kerajaan menumpukan usaha untuk membantu mereka mengambil bahagian dalam persidangan dan acara antarabangsa sementara membina kapasiti keseluruhan mereka. Kerajaan juga komited untuk memudahkan usaha NGO antarabangsa dalam mewujudkan kehadiran di Taiwan, menyediakan persekitaran yang mesra untuk mempromosikan lagi demokrasi, keselamatan dan kemakmuran.

# HUBUNGAN RENTAS SELAT

“

## Fakta Penting

Pada Disember 1987, Taiwan menarik balik larangan berkunjung ke China bagi warganya yang mempunyai saudara-mara di sana.

Kelonggaran sekatan ke atas pelancong Taiwan yang melawat China berkuat kuasa pada Disember 2008 dengan adanya penerbangan terus.

Sejak pemindahan kerajaan pada 1949, Taiwan telah menjalankan kuasa pentadbirannya ke atas pulau utama Taiwan, Kepulauan Penghu, Kepulauan Kinmen, Kepulauan Matsu dan beberapa pulau yang lebih kecil, manakala China terus berada di bawah kawalan pihak berkuasa di Beijing. Seajar dengan perkembangan proses demokrasi yang pesat di Taiwan pada akhir tahun 1980-an, banyak sekatan berkaitan pertukaran sivil dengan China telah ditarik balik.

Yayasan Pertukaran Selat yang berpangkalan di Bandar Raya Taipei memudahkan komunikasi dan rundingan rentas selat. (Chin Hung-hao)

Kini Taiwan merupakan salah satu pelabur terbesar di China. Antara tahun 1991 hingga akhir bulan Mei 2021, sebanyak 44,577 pelaburan yang kesemuanya berjumlah AS\$193.51 bilion telah diluluskan di China. Pada 2020, nilai perdagangan dua hala rentas selat merekodkan jumlah AS\$166 bilion.

Pada Jun 2008, rundingan antara Yayasan Pertukaran Selat (institusi separa rasmi) dari Taiwan dan Persatuan Hubungan Rentas Selat Taiwan dari China telah berlangsung selepas tertangguh selama 10 tahun. Menjelang Ogos 2015, 11 sesi rundingan telah diadakan secara bergilir-gilir di kedua-dua negara selat, yang menghasilkan 23 perjanjian rasmi, antaranya 21 perjanjian telah berkuat kuasa, dan dua konsensus. Antara persetujuan paling penting ialah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Rentas Selat (ECFA) yang dimeterai pada Jun 2010, yang bertujuan untuk menyelaraskan hubungan perdagangan dan ekonomi antara Taiwan dengan China.

### Keamanan dan Kestabilan

Bagi merangsang pembaharuan domestik yang menyeluruh, Taiwan memerlukan persekitaran luar yang aman dan stabil, terutamanya dari aspek hubungannya dengan China. Sejak memegang tampuk pemerintahan negara pada 20 Mei, 2016 dan berikutnya pemilihan semula beliau pada 2020, Presiden Tsai Ing-wen telah berusaha untuk membina hubungan rentas selat yang konsisten, dapat diramal dan mampan berlandaskan situasi semasa dan atas politik sedia ada.

## Perdagangan Rentas Selat

Jumlah:

AS\$166 billion

Import

Eksport

AS\$114 billion


AS\$10.99 billion

Sumber: Pentadbiran Kastam, Kementerian Kewangan

2001

2010

2020



Kerajaan Taiwan mempunyai pendirian yang kukuh dalam mempertahankan status quo rentas selat. Ini adalah janji Taiwan terhadap rantau ini dan juga seluruh dunia. Keamanan, kemakmuran dan pembangunan di Asia adalah tanggungjawab bersama setiap negara dalam rantau ini. Oleh itu, isu rentas selat berkait secara langsung dengan keamanan serantau. Taiwan akan menunaikan tanggungjawabnya untuk menjaga keselamatan serantau dengan memperluas muhibah dan mengekalkan hubungan rentas selat yang stabil, konsisten dan boleh diramal.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, China telah mengambil beberapa tindakan termasuk menetapkan prasyarat politik untuk pertukaran rentas selat, menggantung interaksi rasmi secara unilatera, dan terus mengenakan penindasan politik dan ugutan ketenteraan terhadap Taiwan. Pada 2 Januari 2019, China mengesyorkan model “satu negara, dua sistem” untuk Taiwan yang secara tidak langsung boleh menjelaskan keamanan dan kestabilan serantau. Dalam menghadapi agenda politik China yang kian agresif, President Tsai telah mengemukakan garis panduan 11 Mac 2019 yang bertujuan mengukuhkan langkah keselamatan negara, melindungi kedaulatan negara dan memastikan agar generasi masa kini dan akan datang berhak menentukan masa depan Taiwan. Dewan Perundangan juga telah meluluskan Akta Anti-Penyusupan yang berkuat kuasa pada 15 Jan 2020 bagi mengelakkan gangguan dalam proses politik negara oleh kuasa luar yang berniat jahat.

Kerajaan Taiwan juga bertindak aktif untuk menggesa pindaan pada Akta yang Mentadbir Hubungan Rakyat Taiwan dan Tanah Besar China. Undang-undang yang telah diluluskan setakat ini telah menetapkan mekanisme pengawasan demokratik untuk perjanjian politik rentas selat di bawah Artikel 5-3; pengurusan yang dipertingkatkan bagi perjalanan penjawat awam ke China di bawah Artikel 9, 9-3 dan 91; dan pelarasan denda untuk pelaburan China yang tidak dibenarkan bagi mencerminkan keseriusan pelanggaran di bawah Artikel 93-1.

Penghujung tahun 2019 menyaksikan wabak pertama pandemik COVID-19 di Wuhan, China, yang merebak ke seluruh dunia dengan cepat. Untuk membendung pandemik ini, Taiwan mengamalkan langkah kawalan sempadan yang ketat. Langkah ini mengakibatkan penurunan mendadak dalam pertukaran kakitangan rentas selat, daripada lebih enam juta dalam beberapa tahun kebelakangan ini kepada sekitar 480,000 pada 2020. Sebaik sahaja pandemik reda, Taiwan akan menyesuaikan langkah-langkah kawalan ke atas pertukaran kakitangan secara beransur-ansur sejajar dengan pelan pencegahan COVID-19 Pusat Arahan Wabak.

Kerajaan akan mempertimbangkan pembangunan situasi rentas selat mengikut prinsip dan hala tuju dasar rentas selat Presiden Tsai. Kerajaan akan mendengar pendapat daripada semua sektor masyarakat, mengukuhkan mekanisme pengurusan untuk pertukaran rentas selat, meningkatkan mekanisme demokrasi dan pertahanan keselamatan dan

bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan untuk menjalankan pindaan undang-undang dan peraturan apabila perlu. Hal ini bertujuan untuk menggalakkan interaksi rentas selat yang positif dan mengekalkan pertukaran yang normal dan teratur antara kedua-dua pihak.


### Pendekatan Konsisten

Kerajaan akan terus mengendalikan hubungan rentas selat berdasarkan Perlumbagaan Republik China, Akta yang

Mentadbir Hubungan Rakyat Taiwan dan Tanah Besar China, dan hasrat rakyat Taiwan sendiri.

Kerajaan juga menyeru pihak berkuasa di China untuk menerima hakikat tentang kewujudan Republik China (Taiwan) dan bahawa penduduk Taiwan mempunyai kepercayaan kukuh terhadap sistem demokrasi. China digalakkan supaya menyahut seruan President Tsai terhadap “keamanan, kesamaan, demokrasi dan dialog” bagi menjalin interaksi positif yang dapat memanfaatkan rakyat di kedua-dua belah Selat Taiwan. Selagi pihak berkuasa Beijing bersedia menyelesaikan antagonisme rentas selat dan memperbaiki hubungan rentas selat, Taiwan bersedia untuk bersama-sama mempromosikan dialog yang bermakna berdasarkan kesamaan dan maruah. Kami juga berharap pertukaran yang normal dan teratur akan bermula semula secara beransur-ansur antara rakyat di kedua-dua belah Selat Taiwan apabila pandemik ini terkawal. Akhir sekali, Kerajaan Taiwan akan terus mempergiat kerjasama dengan A.S., Jepun dan negara-negara lain yang berpandangan serupa bagi menentang ancaman China terhadap Taiwan, mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau, serta melindungi kepentingan negara.

### Pelawat dari China ke Taiwan



Sumber: Agensi Imigresen Negara, Kementerian Dalam Negeri

# EKONOMI



## Fakta Penting

Taiwan ialah pengeksport barang dagangan ke-15 terbesar di dunia pada tahun 2020.

Di bawah Dasar Baharu Pandang Ke Selatan, Taiwan mengerakkan hubungan dengan 10 anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara, 6 negara Asia Selatan, Australia dan New Zealand.

Taiwan memainkan peranan penting dalam ekonomi global. Ia merupakan pemain utama dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi dunia, selain dikenali sebagai pembekal utama barang merentasi seluruh spektrum perindustrian.

Menurut Pertubuhan Perdagangan Dunia, Taiwan ialah pengeksport ke-15 terbesar dan pengimport ke-18 terbesar barang dagangan pada 2020. Ia juga salah satu pemegang terbesar rizab pertukaran asing pada Disember 2020.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita Taiwan mencatatkan AS\$28,371 pada 2020.


Tekstil unggul adalah antara pelbagai keluaran perindustrian yang dieksport oleh Taiwan ke negara-negara lain di seluruh dunia. (Chin Hung-hao)

KDNK nominal Taiwan pula hampir menyamai Switzerland dan Poland, manakala KDNK per kapita Taiwan yang diungkapkan sebagai pariti kuasa beli adalah sama dengan KDNK per kapita Iceland dan Sweden.

## Pertumbuhan Perdagangan

Selaras berjaya mengharungi krisis kewangan global pada 2009, ekonomi Taiwan yang berorientasikan eksport sekali lagi menghadapi ancaman pada 2015, kebanyakannya didorong oleh permintaan global yang lemah terhadap produk elektronik pengguna, ditambah pula dengan kejatuhan harga minyak mentah. Ekonomi Taiwan hanya meningkat sebanyak 1.47 peratus manakala nilai dagangan bagi barang niaga secara keseluruhannya merosot sebanyak

## Fakta Ringkas KDNK (2020)



## Kadar Pertumbuhan Ekonomi



Sumber: Direktorat-Jeneral Belanjawan, Perakaunan dan Statistik

13.3 peratus pada 2015. Walau bagaimanapun, situasi ini beransur pulih sejak 2016, dengan statistik menunjukkan pada 2019, keseluruhan eksport Taiwan menurun sebanyak 1.45 peratus dan import pula meningkat 0.3 peratus, manakala ekonominya berkembang sebanyak 2.96 peratus. Walaupun pertumbuhannya sederhana disebabkan oleh impak perang perdagangan AS-China, pengeluaran domestik yang berkembang hasil dorongan penempatan semula syarikat pembuatan telah membantu mengimbangi impak tersebut. Pertumbuhan kian pulih pada tahun 2020, dengan eksport dan import masing-masing meningkat 4.88 peratus dan 0.06 peratus dan nilai dagangan keseluruhan meningkat 2.64 peratus tahun ke tahun.

Kaji selidik tahunan ekonomi dunia, termasuk yang dijalankan oleh Forum Ekonomi Dunia dan Perisikan Risiko Persekutuan Perniagaan telah meletakkan Taiwan

dalam kalangan negara terbaik tahun demi tahun dari aspek pertumbuhan jangka panjang dan pembangunan teknologi. Keputusan kaji selidik 2020-2021 juga memberikan hasil yang serupa (rujuk jadual “Senarai Kedudukan mengikut Kaji Selidik Global, halaman 66-67).

Pada Julai 2013, Taiwan menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dengan New Zealand, iaitu perjanjian pertama Taiwan dengan negara anggota Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD). Pada November tahun yang sama, perjanjian ekonomi turut ditandatangani dengan Singapura, iaitu perjanjian pertama Taiwan dengan rakan perdagangannya di Asia Tenggara. Kedua-dua perjanjian tersebut meliputi aspek-aspek yang melangkaui komitmen Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Perkembangan sedemikian dijangka memudahkan penyertaan Taiwan dalam blok integrasi ekonomi serantau seperti Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).


Taiwan dan A.S. melancarkan Taiwan-A.S. Dialog Perkongsian Kemakmuran Ekonomi pada November 2020 dan menyambung semula perbincangan mengenai Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan pada Jun 2021. Taiwan juga menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dengan Paraguay, Kerajaan Eswatini dan Belize masing-masing pada 2017, 2018 dan 2020. Perjanjian-perjanjian ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan

ekonomi, pelaburan, teknologi dan perdagangan di samping meningkatkan persahabatan dengan ketiga-tiga negara ini.

## Pendekatan Pembangunan

Sejak Mei 2016, Taiwan telah melaksanakan Model Baharu bagi Pembangunan Ekonomi yang bertujuan merangsang pertumbuhan negara dengan menggalakkan inovasi, meningkatkan peluang pekerjaan dan memastikan pengagihan manfaat ekonomi secara saksama. Di bawah model ini, Taiwan berusaha mengukuhkan hubungan global dan serantau menerusi inisiatif seperti Dasar Baharu Pandang ke Selatan, yang bertujuan mempelbagaikan pasaran antarabangsa negara dengan meluaskan hubungannya dengan negara-negara anggota ASEAN dan Asia Selatan, Australia serta New Zealand. Taiwan akan terus menggalakkan penyertaannya dalam proses integrasi ekonomi serantau dan global.

### Status Terkini Dasar Baharu Pandang Ke Selatan



## Profil Perdagangan dan Pelaburan (2020)


Jumlah perdagangan: AS\$631 bilion

Eksport: AS\$345.2 bilion


Import: AS\$285.8 bilion

Imbangan perdagangan: lebihan AS\$59.4 bilion

Destinasi eksport utama:



Sumber import utama:



Rizab pertukaran asing: AS\$529.9 bilion

(Sehingga Disember 2020)

Pelaburan keluar berdaftar: AS\$11.8 billion

Lima destinasi utama

(2020)

Amerika Syarikat	AS\$4.19 bilion
Hungary	AS\$1.36 bilion
Wilayah British di Kepulauan Caribbean	AS\$1.1 bilion
Hong Kong	AS\$912 juta
Vietnam	AS\$767 juta

Pelaburan masuk berdaftar: AS\$9.1 billion

Lima sumber utama

(2020)

Denmark	AS\$2.32 bilion
Wilayah British di Kepulauan Caribbean	AS\$1.93 bilion
Jepun	AS\$ 964 juta
United Kingdom	AS\$ 627 juta
Luxembourg	AS\$576 juta

Untuk meningkatkan pelaburan domestik dan daya saing negara di peringkat global, Model Baharu bagi Pembangunan Ekonomi tertumpu pada usaha mempromosikan enam industri strategik teras, iaitu teknologi maklumat dan digital; keselamatan siber; bioteknologi dan teknologi perubatan; pertahanan negara; tenaga hijau yang boleh diperbaharui;

dan industri simpanan stok strategik. Melalui dasar proaktif yang berdasarkan inisiatif industri inovatif 5+2, Taiwan akan menikmati faedah penggerak pertama, justeru membantu mengukuhkan kedudukan utama negara ini dalam rantaian bekalan global pada era pasca pandemik.

Bagi memenuhi keperluan infrastruktur negara dalam tempoh 30 tahun akan datang, kerajaan juga mempromosikan Program Pembangunan Infrastruktur Pandang ke Hadapan. Program ini merangkumi lapan elemen utama: pembangunan landasan kereta api, infrastruktur digital, persekitaran akuatik, keselamatan makanan, tenaga hijau, pembangunan bandar-desa, meningkatkan kadar kelahiran dan kemudahan penjagaan kanak-kanak, memupuk bakat dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Dalam usaha memajukan industri inovatif, kerajaan juga komited dengan inisiatif melindungi alam sekitar. Berlandaskan objektif ini, model ekonomi baharu berusaha untuk menyepakatkan sepenuhnya penstrukturkan semula industri, rancangan penggunaan tanah negara dan strategi pertumbuhan wilayah bagi memupuk pembangunan mampan di samping menggalakkan penggunaan sumber tenaga hijau.

Melalui pendekatan ini, kerajaan menyasarkan untuk menaikkan kadar gaji serta meningkatkan pembangunan wilayah sementara mengurangkan impak ekonomi berikutan pandemik COVID-19 dan perang perdagangan AS-China yang berpanjangan. Langkah-langkah yang diambil diharap dapat meningkatkan daya saing industri dan seterusnya meningkatkan ekonomi Taiwan pada 2021.

## Senarai Kedudukan Mengikut Kaji Selidik Global

Tajuk Kaji Selidik (Tarikh Penerbitan)	Kedudukan	Bilangan Negara Yang Terlibat	Institusi Yang Menjalankan Kaji Selidik
Papan Skor Daya Saing Global (Jun 2021)	<b>8</b>	64	Institut Antarabangsa untuk Pembangunan Pengurusan (International Institute for Management Development)
Iklim Pelaburan (Mei 2021)	<b>4</b>	50	Perisikan Risiko Persekitaran Perniagaan (Business Environment Risk Intelligence)
Indeks Kebebasan Ekonomi (Mac 2021)	<b>6</b>	184	Yayasan Warisan & Jurnal Wall Street (Heritage Foundation & The Wall Street Journal)
Kemudahan Menjalankan Perniagaan (Oktober 2019)	<b>15</b>	190	Bank Dunia
Indeks Daya Saing Global 2019 (Oktober 2019)	<b>12</b>	141	Forum Ekonomi Dunia

# SAINS DAN TEKNOLOGI



## Fakta Penting

Taiwan salah sebuah negara pengeluar produk teknologi maklumat dan komunikasi yang terkemuka di dunia.

Institut Antarabangsa untuk Pembangunan Pengurusan meletakkan Taiwan pada tangga ke-8 daripada 64 negara dalam Buku Tahunan Daya Saing Global yang diumumkan pada Jun 2021.

Pada April 2014, Majlis Sains Negara—agensi kerajaan yang memegang mandat untuk memajukan pembangunan sains dan teknologi, menyokong penyelidikan akademik dan mempromosikan tiga taman sains negara—telah disusun semula dan dinamakan sebagai Kementerian Sains dan Teknologi (MOST). Selain meneruskan usaha dan program inovatif yang terdahulu, struktur organisasi baharu MOST ini berhasrat untuk menekankan penyelidikan akademik dalam bidang yang berkaitan dengan



Bioteknologi ialah sektor utama yang disasarkan di bawah projek pembangunan negara Taiwan. (Chin Hung-hao)


keperluan industri kerana Taiwan bergantung pada inovasi sains dan teknologi sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara.

Kejayaan syarikat-syarikat berteknologi tinggi di Taiwan sebahagian besarnya didorong oleh peruntukan dana kerajaan yang besar bagi pembangunan industri sains gunaan. Berbekalkan sokongan pihak kerajaan, Institut Penyelidikan Teknologi Industri (ITRI), Makmal Penyelidikan Gunaan Negara dan juga Institut Industri Maklumat memainkan peranan penting dalam melonjakkan reputasi negara sebagai penjana teknologi dengan

menggiatkan penyelidikan, menyokong aktiviti penyelidikan & pembangunan sektor swasta serta meneroka teknologi baharu.

### Sokongan Inovasi

Kehebatan inovatif ITRI terbukti dengan pencapaian institut ini yang telah memenangi sejumlah 44 Anugerah R&D 100 yang sangat berprestij dalam 13 tahun kbelumkangan ini dan telah menerima tujuh Anugerah Edison sejak 2017. Ia juga dinobatkan sebagai Clarivate Top 100 Global Innovator untuk tahun keempat berturut-turut dan kali kelima sejak tahun 2015. Institut ini menggalas peranan penting dalam melahirkan beberapa buah syarikat yang terus mencatat kedudukan kukuh di pasaran global, termasuk Taiwan Semiconductor Manufacturing Co. dan United Microelectronics Corp., yang merupakan antara pengeluar cip litar bersepada tersuai yang unggul di dunia.



Menempatkan lapan pusat penyelidikan kebangsaan yang merangkumi empat bidang utama, iaitu bumi dan persekitaran, teknologi maklumat dan komunikasi, teknologi bioperubatan dan dasar-dasar teknologi, Makmal Penyelidikan Gunaan Negara (NARLabs) mencuba untuk membina platform penyelidikan & pembangunan, menyokong penyelidikan akademik, mempromosikan sains dan teknologi sempadan dan melatih tenaga kerja teknologi tinggi. Data satelit FORMOSAT 7 NARLabs telah dikeluarkan secara rasmi pada Mac 2020 dan telah membantu mengimbangi pengurangan data

meteorologi yang dikumpulkan oleh pesawat di tengah-tengah pandemik COVID-19. Sejak pelancaran buruj, FORMOSAT-7 telah menyediakan lebih daripada 2 juta set data yang memperincikan keadaan atmosfera, meningkatkan ketepatan ramalan cuaca global sehingga 11 peratus. Hasil penyelidikannya juga telah menerima enam anugerah Outstanding S&T Contribution Awards daripada

Dewan Eksekutif sebagai penghargaan atas sumbangan besar kepada masyarakat.

Objektif Institut Industri Maklumat adalah meningkatkan daya saing global Taiwan dengan menyediakan platform bagi transformasi digital. Institut ini menjalankan aktiviti penyelidikan & pembangunan berkaitan produk dan aplikasi

## Enam Industri Strategik Utama Di Bawah Pimpinan Presiden Tsai Ing-wen

### Maklumat dan digital




### Keselamatan siber



### Teknologi perubatan dan bioteknologi




### Pertahanan dan strategik negara



### Tenaga hijau yang boleh diperbaharui



### Simpanan stok strategik



## Senarai Kedudukan Mengikut Kaji Selidik Global

Tajuk Kaji Selidik (Tarikh Penerbitan)	Kedudukan (kategori)	Bilangan Negara Yang Terlibat	Institusi Yang Menjalankan Kaji Selidik
Laporan Daya Saing Global 2019 (Oktober 2019)	<b>4</b> (keupayaan inovasi)	141	Forum Ekonomi Dunia
Buku Tahunan Daya Saing Global 2021 (Julai 2021)	<b>10</b> (infrastruktur teknologi) <b>6</b> (infrastruktur saintifik)	64	Institut Antarabangsa untuk Pembangunan Pengurusan (International Institute for Management Development)

teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang inovatif. Ia juga memainkan peranan penting dalam pembangunan ICT sektor awam dan swasta dengan menggalas tanggungjawab sebagai badan pemikir dalam penggubalan dasar dan menyokong pembangunan bakat. Sepanjang tiga dekad yang lalu, lebih 480,000 orang pakar telah menerima latihan melalui institut ini.

Ekosistem teknologi Taiwan menyediakan persekitaran yang ideal untuk pelabur global yang ingin membina reputasi di Asia. Taiwan memiliki syarikat modal teroka tempatan, pembekal perkhidmatan kejuruteraan dan pemaju teknologi dengan pengalaman kerjasama yang luas dalam aktiviti penyelidikan & pembangunan yang canggih. Kesemuanya tertumpu di Arena Teknologi Taiwan, sebuah pusat baharu untuk pembangunan inovasi dan pembukaan syarikat

permulaan yang menarik minat usahawan muda dari seluruh dunia. Dengan menggandingkan program pemecut, syarikat modal teroka dan perusahaan, Arena Teknologi Taiwan menjadi platform untuk pertukaran global dan penyemaian bakat. Pusat ini dianggarkan mampu menghasilkan 100 buah syarikat permulaan setiap tahun, melahirkan 2,000 usahawan dan merancakkan aliran pelaburan.

Komitmen sektor awam dan swasta selama bertahun-tahun lamanya dalam membangunkan kepakaran teknologi kini membuaikan hasil apabila taman sains Taiwan menjadi tumpuan syarikat yang ingin memburu kecemerlangan dalam bidang bioteknologi, pengkomputeran peribadi dan periferal, litar bersepadau, nanoteknologi, optoelektronik, jentera kejituhan dan telekomunikasi.

# PENDIDIKAN



## Fakta Penting

Taiwan telah melaksanakan sistem pendidikan asas selama 12 tahun sejak 2014.

Terdapat 152 buah universiti, kolej dan maktab rendah di Taiwan.

Pendidikan ialah komponen penting dalam penggubalan dasar kerajaan dan melibatkan sebahagian besar peruntukan belanjawan negara. Dengan penekanan yang lebih tinggi dalam pendidikan tinggi, graduan kolej teknik atau universiti merangkumi 47.3 peratus daripada penduduk Taiwan berumur 15 tahun ke atas, iaitu 9.1 peratus lebih tinggi berbanding dekad lalu.

Bagi menawarkan peluang yang lebih meluas kepada pelajar, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan pendidikan asas 12 tahun untuk dilaksanakan dalam sistem pendidikan wajib 9 tahun sejak 2014. Setiap

Sekumpulan kanak-kanak sedang melawat Taman Jabatan Kereta Api di Muzium Nasional Taiwan, Bandar Taipei yang dibina di sebuah bangunan era kolonial Jepun yang telah dipulihkan. (Chin Hung-hao)

tahun, dalam pertandingan seperti Olimpiad Sains Antarabangsa, pelajar muda dari Taiwan meraih kemenangan cemerlang dalam mata pelajaran biologi, kimia, sains bumi, matematik, sains maklumat dan fizik. Kepakaran tenaga kerja di Taiwan telah banyak membantu meningkatkan kemakmuran ekonomi dan kualiti kehidupan.

Pada 2013, Kementerian Pendidikan telah mengambil alih peranan Majlis Hal Ehwal Sukan dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan sukan untuk semua. Taipei telah menjadi tuan rumah Universiade Musim Panas 2017, salah satu pertandingan sukan terbesar yang diadakan di Taiwan.

## Program Biasiswa

Biasiswa daripada kerajaan dan universiti disediakan untuk pelajar antarabangsa. Sebagai contoh, program Biasiswa Taiwan menawarkan dana kepada pelajar yang ingin meneruskan pengajian peringkat ijazah sarjana muda atau ijazah dalam pelbagai bidang. Pemohon yang berminat boleh menghubungi kedutaan dan pejabat perwakilan negara masing-masing atau melayari laman web Kementerian Pendidikan di: [www.edu.tw](http://www.edu.tw).

Bagi menggalakkan pelajar antarabangsa mempelajari bahasa Mandarin di Taiwan, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Biasiswa Pengayaan Huayu. Selain membolehkan pelajar asing menghadiri kursus bahasa Mandarin di pusat latihan tertentu dalam negara, program ini juga mampu meningkatkan kesedaran dan pemahaman

mengenai budaya dan masyarakat Taiwan di peringkat antarabangsa.

Senarai pusat latihan bahasa Mandarin dan maklumat tentang pembelajaran bahasa ini di Taiwan boleh didapati di laman web Kementerian Pendidikan, Study in Taiwan ([www.studyintaiwan.org](http://www.studyintaiwan.org)) dan Pejabat Pendidikan Bahasa Mandarin Global ([ogme.edu.tw](http://ogme.edu.tw)).

## Fakta Ringkas

Kadar celik huruf (15 tahun ke atas): **99%**  (2020)

Peruntukan untuk pendidikan, sains dan kebudayaan:  
**19.9%** daripada belanjawan kerajaan pusat  
(2021)

Institusi pengajian tinggi:  
**152**   
(140 universiti dan kolej,  
12 maktab rendah)

Jumlah pelajar yang berdaftar di institusi pengajian tinggi:

Jumlah:

**1.2 juta**

Program Sarjana:  
**168,974**  
Program Doktor Falsafah (PhD):  
**28,555** (2020)

# KEBUDAYAAN



## Fakta Penting

Taiwan ialah pusat industri muzik pop Mandarin.

Muzium Istana Negara di Bandar Taipei menyimpan salah satu koleksi artifak Cina purba yang terbesar di dunia.

Taiwan terkenal dengan penyepaduan budaya tradisional dan moden yang mempesonakan. Dalam usaha memperkenalkan sejarah negara dan kepelbagaiannya, beberapa muzium telah dibina di seluruh Taiwan, termasuk Muzium Istana Negara, Muzium Negara Taiwan, Muzium Sejarah, Muzium Prasejarah, Muzium Kesuasteraan dan Muzium Seni Halus Taiwan. Terdapat juga pentas persembahan seni di seluruh Taiwan, termasuk Panggung Negara dan Dewan Konsert, Teater Kebangsaan Taichung, Pusat Kesenian Negara Kaohsiung (Weiwuying) dan Pusat Teater

Pemulihara seni Taiwan mengembalikan kegembilan artifak bernilai. (Chen Mei-ling)

Tradisional Taiwan. Kemudahan berkualiti tinggi seperti ini menjadikan Taiwan sebagai pusat tumpuan seni di Asia yang menganjurkan pelbagai acara seperti Festival Seni Antarabangsa Taiwan dan Festival Seni Taipei. Seni bina tradisionalnya adalah satu lagi tarikan yang bukan sahaja boleh dilihat di beberapa monumen indah seperti tokong dan kediaman rasmi, tetapi juga pada kebanyakan struktur lama yang telah dipulihkan dan digunakan sebagai pusat komuniti, kafe, kedai dan tempat awam lain. Malah, banyak aspek seni, kraf dan budaya tradisional Cina dipelihara dengan lebih baik di Taiwan berbanding tempat lain di dunia. Sebagai contoh, Taiwan adalah salah satu negara yang masih menggunakan tulisan tradisional Cina, sementara pertandingan kaligrafi merupakan acara yang sentiasa mendapat sambutan hangat.

Amalan tradisi agama Buddha, Konfusianisme dan Taoisme terus diperakankan dalam segenap aspek kebudayaan Taiwan, termasuk perayaan keagamaan, kesusasteraan, seni visual dan seni pentas. Di samping itu, pengunjung juga berpeluang mempelajari warisan etnik Hakka, Holo dan masyarakat peribumi yang bermastautin di negara ini. Taiwan berkongsi kekayaan budayanya dengan seluruh dunia melalui program tertentu seperti pusat sumber Akademi Taiwan.

Seiring dengan peredaran masa, bandar-bandar besar di Taiwan telah berkembang sebagai metropolis yang maju dengan aneka pilihan hiburan dari siang hingga malam. Pelbagai kumpulan tarian moden telah diperkenalkan dan arena muzik yang meriah bukanlah sesuatu yang janggal

kerana Taiwan merupakan pusat Mandopop, atau muzik pop Mandarin yang tersohor di dunia. Industri televisyen dan filem tempatan mula bangkit sejak beberapa tahun kebelakangan ini, manakala ledakan sektor kebudayaan dan kreatif dalam negara dapat disaksikan melalui perkembangan kedai pereka fesyen, pasar raya dan pameran yang kian meningkat setiap tahun.

Daripada seni kesusasteraan hingga perayaan rakyat dan suasana meriah di pasar malam, tradisi Taiwan berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari, seterusnya melahirkan budaya unik yang menggandingkan keunikan masa lampau dengan kemodenan era masa kini.

Pemuzik peribumi membuat persembahan di Tiehua Music Village di Wilayah Taitung, bahagian timur Taiwan. (Chen Mei-ling)



# MEDIA MASSA



## Fakta Penting

Taiwan menduduki tempat kedua di Asia dalam Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2021 yang dikeluarkan oleh Reporters Without Borders.

Kepelbagaiannya media Taiwan boleh dilihat dalam aneka penerbitan dan persaingan sengit industri. Akhbar negara Taiwan beroperasi dalam salah satu persekitaran media yang paling bebas di Asia.

Taiwan menduduki tangga ke-43 dunia dan kedua di Asia dalam Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2021 yang diumumkan pada 20 April oleh organisasi Reporters Without Borders (RSF) yang berpangkalan di Perancis. Dalam kaji selidik yang melibatkan 180 buah negara dan wilayah, Taiwan berada satu anak tangga di belakang Korea Selatan, dan mendahului Jepun yang berada di kedudukan



Taiwan salah sebuah negara dengan kebebasan media paling tinggi di Asia.  
(Pang Chia-shan)


ke-67; Hong Kong yang ke-80; Singapura yang ke-160 dan China yang ke-177. Norway, Finland dan Sweden menerajui indeks tersebut pada tangga pertama, kedua dan ketiga.

Kebanyakan jenis media terlibat dalam peralihan industri kepada dunia penyebaran maklumat digital.

Percetakan majalah dan akhbar, termasuk tiga akhbar utama, semakin ketinggalan berbanding pesaing internet. Dengan memanfaatkan kelebihan Taiwan dalam teknologi maklumat dan komunikasi, bidang e-penerbitan kian berkembang pesat dan menyuntik nafas baharu dalam industri penerbitan buku tempatan, yang mengeluarkan 38,705 judul buku baharu pada 2020.

Peralihan televisyen kabel kepada bentuk digital bukan sahaja menambah pengalaman visual penonton dengan ketara, tetapi

### Kadar Penggunaan Televisyen Digital Di Rumah Kediaman



Sumber: Suruhanjaya Komunikasi Negara

### Fakta Ringkas



Sumber: Kementerian Kebudayaan dan Suruhanjaya Komunikasi Negara

juga membuka peluang kepada pelbagai perkhidmatan jalur lebar yang lebih inovatif dan bervariasi. Dengan peralihan digital yang hampir sempurna, televisyen kabel kian menjadi platform penting untuk pelbagai aplikasi multimedia. Walaupun kabel kekal sebagai cara menonton televisyen yang paling popular, perkadaruan penonton yang menggunakan perkhidmatan penstriman melonjak daripada 4.4 peratus pada 2017 kepada 11.4 peratus pada 2020, menjadikannya cara yang ketiga popular.

# MELAWAT TAIWAN



## Fakta Penting

Warganegara dari lebih 60 buah negara dan wilayah boleh memasuki Taiwan tanpa visa selama 30 atau 90 hari.

Terdapat talian maklumat pelancongan pelbagai bahasa yang beroperasi 24 jam (0800-011-765).

Dengan gabungan budaya yang unik, pemandangan menakjubkan, aneka jenis masakan, kehidupan bandar yang menyeronokkan dan industri perhotelan yang pesat berkembang, Taiwan menjadi destinasi impian pelbagai kategori pengunjung. Warga dari lebih 60 buah negara dan wilayah boleh memasuki Taiwan tanpa visa selama 30 atau 90 hari.

Selain landasan kereta api konvensional sepanjang 1,100 kilometer, Taiwan juga mempunyai sistem rel berkelajuan tinggi sepanjang 350 km di sepanjang pantai baratnya. Kereta api berkelajuan tinggi ini

Sebuah kereta api melewati ladang-ladang subur di Wilayah Taitung, bahagian timur Taiwan. Rangkaian kereta api yang luas adalah salah satu cara yang paling mudah untuk melintasi negara Taiwan. (Chen Mei-ling)



Nasi daging Taiwan yang ikonik dihidangkan di mana-mana juga baik di gerai jalanan maupun di majlis jamuan negeri. (Chen Mei-ling)

membolehkan perjalanan antara Taipei dengan Kaohsiung dalam masa 94 minit. Kedua-dua bandar ini serta metropolis Taoyuan di sebelah utara juga dilengkapi sistem transit laju massa (MRT) yang canggih.

## Pameran Perdagangan Antarabangsa

Sepanjang tahun ini, Majlis Pembangunan Perdagangan Luar Taiwan (TAITRA) telah menganjurkan pameran perdagangan yang merangkumi seluruh spektrum industri. Lokasi utamanya termasuk Dewan Pameran di Pusat Perdagangan Dunia Taipei, Dewan Pameran Nangang dan Pusat Pameran Kaohsiung di bahagian selatan Taiwan. Untuk butiran lanjut, sila layari [www.taiwantradeshows.com.tw](http://www.taiwantradeshows.com.tw).

## Maklumat Am untuk Pengunjung

Kerajaan menyediakan pelbagai laman web dan talian khas untuk memberikan maklumat tentang perjalanan, kehidupan dan kerjaya di Taiwan kepada warga asing.

### Laman web/Talian khas

Biro Pelancongan Taiwan  
[www.taiwan.net.tw](http://www.taiwan.net.tw)

Talian Khas Maklumat Perjalanan  
0800-011-765 (24 jam)

Agensi Imigresen Negara  
[www.immigration.gov.tw](http://www.immigration.gov.tw)

Talian Khas Maklumat Untuk  
Warga Asing  
0800-024-111

Inggeris, Perancis, Jerman,  
Indonesia, Jepun, Korea, Malaysia,  
Spanyol, Thai, Vietnam

Inggeris, Jepun, Mandarin

Inggeris, Indonesia, Khmer,  
Mandarin, Thai, Vietnam

24 jam: Inggeris, Jepun, Mandarin  
9:00-17:00 pada hari bekerja: Vietnam  
13:00-17:00 pada hari bekerja:  
Indonesia, Khmer, Thai

# Tarikan Pelancongan Utama

---

## Bahagian Utara Taiwan

Muzium Istana Negara: [www.npm.gov.tw](http://www.npm.gov.tw)

Taipei 101: [www.taipei-101.com.tw](http://www.taipei-101.com.tw)

Muzium Seramik Yingge, Bandar Taipei Baharu:  
[www.ceramics.ntpc.gov.tw](http://www.ceramics.ntpc.gov.tw)

Dewan Peringatan Chiang Kai-shek:  
[www.cksmh.gov.tw](http://www.cksmh.gov.tw)

Tokong Lungshan: [www.lungshan.org.tw](http://www.lungshan.org.tw)

Taman Negara Yangmingshan: [www.ymsnp.gov.tw](http://www.ymsnp.gov.tw)

Kawasan Pemandangan Timur Laut dan Pantai Yilan:  
[www.necoast-nsa.gov.tw](http://www.necoast-nsa.gov.tw)

Kawasan Pemandangan Pantai Utara dan Guanyinshan:  
[www.northguan-nsa.gov.tw](http://www.northguan-nsa.gov.tw)

## Bahagian Tengah Taiwan

Kawasan Pemandangan Tasik Sun Moon:  
[www.sunmoonlake.gov.tw](http://www.sunmoonlake.gov.tw)

Kampung Kebudayaan Orang Asli Formosan:  
[www.nine.com.tw](http://www.nine.com.tw)

Kawasan Pemandangan Tri-Mountain:  
[www.trimt-nsa.gov.tw](http://www.trimt-nsa.gov.tw)

Institut Penyelidikan dan Pembangunan Barangank Kraf Taiwan: [www.ntcri.gov.tw](http://www.ntcri.gov.tw)

Perbandaran Lukang: [www.lukang.gov.tw](http://www.lukang.gov.tw)

Muzium Negara Sains Semula Jadi: [www.nmns.edu.tw](http://www.nmns.edu.tw)

Taman Negara Yushan (Gunung Jade): [www.ysnp.gov.tw](http://www.ysnp.gov.tw)

---

## Bahagian Timur Taiwan

Taman Negara Taroko: [www.taroko.gov.tw](http://www.taroko.gov.tw)

Kawasan Rekreasi Hutan Taiwan: [recreation.forest.gov.tw](http://recreation.forest.gov.tw)

Kawasan Pemandangan Pantai Timur:  
[www.eastcoast-nsa.gov.tw](http://www.eastcoast-nsa.gov.tw)

Kawasan Pemandangan Lurah Gelinciran Timur:  
[www.erv-nsa.gov.tw](http://www.erv-nsa.gov.tw)

## Bahagian Selatan Taiwan

Taman Negara Kenting: [www.ktnp.gov.tw](http://www.ktnp.gov.tw)

Kawasan Pemandangan Alishan: [www.ali-nsa.net](http://www.ali-nsa.net)

Kawasan Pemandangan Siraya: [www.siraya-nsa.gov.tw](http://www.siraya-nsa.gov.tw)

Kawasan Pemandangan Teluk Dapeng: [www.dbnsa.gov.tw](http://www.dbnsa.gov.tw)

Kawasan Pemandangan Maolin: [www.maolin-nsa.gov.tw](http://www.maolin-nsa.gov.tw)

Kawasan Pemandangan Pantai Barat Daya:  
[swcoast-nsa.travel](http://swcoast-nsa.travel)

## Pulau-pulau Sekitar

Taman Negara Kinmen: [www.kmnp.gov.tw](http://www.kmnp.gov.tw)

Kawasan Pemandangan Penghu: [www.penghu-nsa.gov.tw](http://www.penghu-nsa.gov.tw)

Kawasan Pemandangan Matsu: [www.matsu-nsa.gov.tw](http://www.matsu-nsa.gov.tw)

Pulau Hijau dan Pulau Orkid:  
[tour.taitung.gov.tw/en/discover/offshore-islands](http://tour.taitung.gov.tw/en/discover/offshore-islands)

## Perayaan Utama & Acara

### Bulan Perayaan / Acara\*

Jan.	Sambutan Tahun Baharu
Feb.	Pesta Tanglung Taiwan**
	Pameran Buku Antarabangsa Taipei
Mac.	Perayaan Keagamaan Antarabangsa Mazu (ziarah keagamaan)
April	Pesta Bunga Api Antarabangsa Penghu
Mei	Pesta Seni Arca Pasir Antarabangsa Fulong
Jun	Pesta Bot Naga Lukang

Julai Pesta Belon Antarabangsa Taiwan

Ogos Pameran Masakan Taiwan

Pesta Muzik Rock Hohaiyan Gongliau

Sept. Karnival Renang Tasik Sun Moon

Okt. Pesta Berbasikal Taiwan

Nov. Pertandingan Luncur Air Terbuka Taiwan

Dis. Maraton Taipei

\* Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Biro Pelancongan di [eng.taiwan.net.tw](http://eng.taiwan.net.tw)

\*\*Pesta Tanglung Taiwan diadakan di bandar atau wilayah yang berlainan setiap tahun. Pada tahun 2022, pesta ini akan diadakan di Bandar Kaohsiung.

## Mata Wang

Dolar Taiwan Baharu  
(NT\$ atau TWD)

Kadar pertukaran:  
NT\$28.05 bagi setiap A\$1  
(Jun 2021)



## Zon Waktu

Semua wilayah berada dalam zon waktu yang sama,  
UTC +8 jam  
(tiada pelarasan bermusim)



## Kad Kredit dan Cek Kembara

Kad kredit utama diterima secara meluas. Cek kembara boleh ditunaikan di kaunter pertukaran asing bank, hotel dan kedai yang berorientasi pelancongan.




## Pemberian Tip

Pemberian tip bukan budaya di Taiwan. Caj perkhidmatan sebanyak 10 peratus biasanya dikenakan ke atas harga bilik serta makanan di hotel dan restoran.



## Elektrik

AC 110 V / 60 Hz



## Maklumat Visa

Biro Hal Ehwal Konsul,  
Kementerian Luar Negeri  
Telefon: (+886-2) 2343-2888  
Laman Web: [www.boca.gov.tw](http://www.boca.gov.tw)



## Peraturan Kastam

Pentadbiran Kastam,  
Kementerian Kewangan  
Telefon: (+886-2) 2550-5500  
sambungan 2116  
Laman Web: [web.customs.gov.tw](http://web.customs.gov.tw)

